

Belanjawan 2021 buka peluang baharu, lonjak sektor binaan

S: Bagaimana Datuk Seri melihat sektor pembinaan mendepani cabaran norma baharu pandemik COVID-19?

J: Bagi memastikan keselamatan semua pihak, prosedur operasi standard (SOP) bagi industri pembinaan telah dibangunkan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di tapak pembinaan.

Menjadi tanggungjawab penggiat industri pembinaan untuk memastikan semua SOP dipatuhi demi menjamin keselamatan pekerja dan mengelak penularan COVID-19.

Pemain industri kini berdepan cabaran, kekurangan tenaga kerja dalam beberapa sektor dengan keadaan bertambah buruk berkaitan tenaga kerja tempatan kurang berminat untuk bekerja dalam sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Bagi industri pembinaan, terdapat pengurangan berjumlah 17 peratus (74,583 orang) pekerja binaan asing pada September 2020 (seramai 355,811 orang), berbanding Februari 2020 (430,394 orang).

Pada masa akan datang, penggunaan teknologi dalam kerja-pembinaan dengan bilangan pekerja minimum di tapak pembinaan juga adalah norma baharu yang perlu diterima dalam sektor pembinaan. Justeru, semua penggiat industri perlu menjadikan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan pemeraksanaan teknologi sebagai sebahagian daripada penyelesaian kepada isu pandemik ini.

S: Pandangan Datuk Seri mengenai dilema penggiat industri pembinaan?

J: Bagi industri pembinaan, arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama dan kedua pada 18 Mac sehingga 14 April lalu menyebabkan kerugian RM11.6 bilion setahun. Kebeharuan beroperasi mengikut fasa bermula pada April, mengurangkan kesan kewangan kepada RM6.9 bilion.

Selain itu, beberapa impak ketara terhadap sektor pembinaan meliputi isu kewangan, penyempalan projek dan kekurangan tenaga kerja juga sudah dikenal pasti. Antaranya, adalah kehilangan pengilangan dan upah pekerja binaan, serta peningkatan jumlah projek pembinaan masih belum beroperasi kerana faktor kewangan. Ini berikutan kegagalan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan bagi membiayai projek sedia ada yang tergendala akibat COVID-19.

S: Apakah bantuan yang disalurkan untuk pembangunan industri pembinaan ketika mendepani COVID-19?

J: Kementerian melalui Lembaga

Pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak awal tahun ini, mengganggu kemajuan semua bidang dan kehidupan dengan sektor pembinaan negara juga tidak terkecuali. Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkongsi pandangan mengenai cabaran dan rintangan dihadapi sektor pembinaan negara serta usaha diambil Kementerian Kerja Raya bagi menangani kesan pandemik itu.

ga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengumumkan beberapa inisiatif bertujuan mengurangkan beban kontraktor dan penggiat industri pembinaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Antara bantuan yang diberikan adalah Program Prihatin CIDB BIM Advance Modeler, iaitu program latihan yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan skill personel binaan supaya lebih bersedia dalam norma baharu pekerjaan. Personel binaan yang kehilangan pekerjaan diberi peluang untuk mendapatkan penempatan pekerjaan dalam bidang teknologi pembinaan selepas menjalani latihan.

Seterusnya, Program Prihatin Personel Binaan CIDB kepada personel binaan bagi mendapatkan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) dengan tajaan penuh untuk latihan dan penauliah.

Selain itu, beberapa inisiatif Prihatin diberikan untuk membantu pembangunan industri pembinaan. Sebagai contoh, Penangguhan Pembayaran Levi (untuk projek swasta), Kelonggaran syarat pendaftaran, Penangguhan Pengesahan Syarat MCORE (G) ke 2021 serta Pengecualian syarat SKP dan Kursus Integrasi diberikan kepada kontraktor.

Kepada personel binaan pula, inisiatif bantuan diberikan seperti Penangguhan Yuran Penyertaan Latihan Kemahiran, Penangguhan Yuran Penilaian Kompetensi Kemahiran PKK, Insentif Yuran Latihan dalam Penyelidikan dan Pengurusan serta pelanjutan tempoh sah Perakuan Kad Pendaftaran Personal Binaan Sementara dari dua bulan ke enam bulan.

Bagi sudut bahan binaan pula, Insentif Yuran Certificate of Approval (COA) diperkenalkan iaitu mengurangkan fi COA dari RM1,000 kepada RM750 bermula 15 Mei sehingga 31 Disember ini.

Bagi projek yang dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terkesan oleh penguatkuasaan PKP Lanjutan Masa (EOT) disebarkan PKP boleh diberikan secara automatik dan diluluskan pada peringkat Pegawai Pengu-



sa/Pengarah Projek (PP) sebagai Pihak Berkuasa Melulus (PBM).

Tempoh EOT diberikan secara automatik kepada kontraktor bermula daripada PKP sehingga PKP PB iaitu selama 84 hari. Dalam tempoh PKPP ini juga, PP boleh mempertimbangkan untuk memberikan EOT tambahan sehingga 30 hari atas faktor mobilitasi pekerja, jentera dan peralatan oleh kontraktor serta kesediaan tapak bina dan sebagainya.

S: Bagaimana dengan penggunaan teknologi digital dalam sektor pembinaan?

J: Kementerian dan CIDB, khususnya sedang mempertingkatkan usaha bagi menggalakkan penggunaan teknologi baharu seperti Sistem Binaan Industri (*Industrialised Building System - IBS*) dan Permodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modeling - BIM*) dalam kalangan penggiat industri, bagi memenuhi aspirasi Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030.

Dengan peruntukan RM6 bilion untuk Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang ditumukkan dalam Belanjawan 2021, Kementerian melalui CIDB akan menggerakkan inisiatif mempertingkatkan tenaga kerja industri yang berkemahiran dan berteknologi melalui pendidikan, latihan teknikal dan vokasional.

Ketika ini juga, CIDB sedang melaksanakan Program Rekaben-

tuk Piawai IBS Rumah Mampu Milik (RMM) dengan meningkatkan produktiviti, inovasi dan R&D melalui penggunaan IBS dan BIM. Melalui Rekabentuk Piawai IBS bagi RMM ini, bekalan perumahan mampu milik dalam tempoh masa yang singkat serta mengurangkan kos pembinaan melalui tiga (3) set rekabentuk yang dibangunkan oleh CIDB iaitu *Divergent Dwelling Design (DD)*, *Design for Low-Income Groups Housing Through Technology and Innovation (DELIGHT Houses)* dan *Malaysian IBS Open System (MyIOS)*.

Baru-baru ini juga, kementerian menyaksikan kerjasama pemindahan kepakaran teknologi penyenggaraan jalan di antara pihak konsesi jalan raya dengan sebuah syarikat yang berpusat di United Kingdom. Teknologi jalan hijau - MacRebur, campuran asfalt dan sisa plastik dalam turapan jalan raya telah membuka dimensi baharu dalam aktiviti penyenggaraan jalan raya yang akan membantu industri pembinaan dilaksanakan dengan cekap, berkualiti dan berdaya saing di peringkat global.

S: Bagaimana dengan peluang baharu dalam industri pembinaan negara?

J: Peruntukan yang disalurkan kepada projek mega utama seperti yang diumumkan melalui Belanjawan 2021 baru-baru ini, pastinya akan membuka peluang

baharu kepada Industri Pembinaan Negara. Peruntukan RM15 bilion yang ditumukkan bagi membiayai projek infrastruktur utama antaranya Lebuhraya Pan Borneo, Transit Aliran Massa (MRT3), Projek Rel Berkembar Lembah Klang (Fasa 1) dan Sistem Transit Pantas JB-Woodlands pasti akan mendorong sektor pembinaan untuk pulih dari kelembapan yang dialami ekoran pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan.

Pihak CIDB turut merancang melahirkan pengeluar komponen IBS dan memudah cara kontraktor tempatan untuk beralih daripada sistem konvensional kepada IBS. Di samping itu, CIDB turut memberi galakan penggunaan BIM, dengan menyediakan subsidi pembelian perisian BIM kepada penggiat industri.

S: Industri pembinaan dan tenaga teknikal tidak dapat dipisahkan. Setiap tahun KKR dan agensi di bawah kementerian, khususnya JKR akan mengadakan sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) pada Disember. Bagaimana pula sambutan pada tahun ini dalam keadaan negara berhadapan dengan pandemik COVID-19?

J: Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2020 akan berlangsung pada 5 Disember hingga 30 Disember ini secara maya. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan memberi perutusan khas secara dalam talian pada 5 Disember ini. Objektif utama pengantaraan sambutan HPTN adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas jasa yang disumbangkan oleh profesion teknikal dalam membangunkan landskap pembangunan di negara kita.

Antara pengisian aktiviti yang bakal dijalankan sempena HPTN 2020 ini adalah dengan mengadakan beberapa pertandingan seperti menyediakan model bangunan dan infrastruktur menggunakan lego dan bahan terbuang, pertandingan reka bentuk bangunan menggunakan BIM, swafoto bersama elemen teknikal paling kreatif dan pertandingan video pendek. Selain pertandingan, akan diadakan juga aktiviti webinar, forum dan temubual dengan ikon dan selebriti teknikal. Semua aktiviti ini akan diadakan secara atas talian.

Pengunjung boleh melayari laman web www.hptn.org.my untuk meninjau dan menyertai aktiviti - aktiviti yang akan diadakan sepanjang HPTN 2020 ini.